

PEMIMPIN STROKE GLOBAL MELANCARKAN STRATEGI RADIKAL DAN STRATEGI PENCEGAHAN DEMENTIA

Pertubuhan Stroke Sedunia (WSO) telah menerbitkan satu strategi rangkakerja radikal yang bertujuan untuk mengubah kaedah pencegahan strok dan demensia.

Seperti yang diterbitkan dalam edisi terbaru The Lancet Neurology, Deklarasi Strok dan Demensia Global oleh WSO mengakui persamaan risiko strok dan demensia, dan menyeru tindakan segera oleh pihak kerajaan dan badan rangka polisi kesihatan untuk mengatasi kekangan dalam strategi pencegahan strok semasa. Dalam sepuluh tahun yang lepas, risiko strok seumur hidup bagi orang dewasa sudah meningkat daripada 1 dalam 6 orang kepada 1 dalam 4 orang.

Tanpa intervensi baru berdasarkan evidens, pihak WSO menjangka trajektori penyakit pada masa kini akan menyebabkan kematian strok sebanyak 12 million dan kematian demetia sebanyak 5 juta menjelang tahun 2050.

Deklarasi ini menekankan keperluan untuk mengambil tindakan di kalangan populasi berisiko rendah dan sederhana, yang mewakili 80% bebanan strok dan kardiovacular, dengan mengenalpasti empat intervensi berasingan yang boleh mengurangkan insiden dan prevalen stroke dan demensia.

Strategi ini juga mengambil kira cabaran khusus oleh pihak kerajaan dan komuniti di kalangan negara berpendapatan rendah dan sederhana dalam kaedah pencegahan semasa dengan mewujudkan satu alternatif yang berkos rendah.

Prinsip-prinsip utama Deklarasi

- 1 Mengamalkan strategi rentas-populasi yang boleh mengurangkan pendedahan kepada risiko strok seperti tembakau, alcohol dan polisi pemakanan, serta tindakan yang boleh mengatasi risiko alam sekitar, termasuk pencemaran udara sepanjang hayat penduduk.
2. Melaksanakan dan mempromosikan penggunaan teknologi mudah alih yang boleh memotivasi seperti **StrokeRiskometer** yang diperakui oleh WSO dan berperanan dalam mengenalpasti individu berisiko dan pengurangan risiko gaya hidup di kalangan orang dewasa
- 3 Akses kepada terapi kombinasi tekanan darah dan penurunan lipid dalam satu polipil kepada orang dewasa dalam lingkungan umur pertengahan tahun dan juga yang lebih berumur, yang mempunyai sekurang-kurangnya dua faktor risiko strok gaya hidup atau klinikal.
4. Menjana, melatih dan menghantar petugas kesihatan ke dalam komuniti bagi memudahkan pelaksanaan strategi di atas.

WSO mengemukakan bukti hasil penyelidikan bersama yang menunjukkan intervensi sedemikian dapat menurunkan insiden strok sebanyak 50% dan insiden demensia sebanyak 30%, dan secara tidak langsung menyumbang kepada penurunan insiden penyakit tidak berjangkit lain yang mempunyai faktor risiko yang sama.

Pendekatan lain yang dicadangkan adalah untuk mengubah cara risiko disampaikan kepada pesakit oleh profesional kesihatan. Pada masa ini, pesakit dikategorikan sebagai berisiko rendah, sederhana atau tinggi, di mana ianya boleh memberikan tanggapan yang tidak tepat kepada pesakit berisiko rendah dan sederhana, kerana mungkin tidak mengambil kira kesemua faktor risiko yang dihadapi. Badan Strok Global menyarankan pendekatan yang lebih holistik iaitu dengan meletakkan risiko strok sebagai satu masalah berterusan atau *continuum*, dan menggalakkan intervensi awal dan pendekatan seumur hidup dalam penurunan risiko strok.

Presiden WSO Prof Michael Brainin, yang mengetuai usaha pencegahan oleh pertubuhan tersebut menyatakan 'COVID-19' telah menghasilkan satu usaha kerajaan yang tidak terbayang dahulunya dengan mengubah gaya hidup di seluruh dunia. Walaupun kita melalui pandemic strok selama ini, namun strategi pencegahan strok tetap gagal.

Keperluan untuk mewujudkan tindakan radikal adalah jelas dan prinsip pencegahan kami memberikan pendekatan berkos rendah yang berdasarkan bukti atau evidens. Jika prinsip ini dilaksanakan secara global, ianya bukan sahaja boleh menyelamatkan berjuta nyawa tetapi boleh menjimatkan kos sebanyak berbillion dollar setiap tahun. Penjimatan ini boleh digunakan untuk keperluan yang lebih terdesak seperti untuk memperkuatkan sistem kesihatan global dan melonjakkan pemulihan ekonomi, setelah penularan COVID 19.'

Untuk maklumat lebih lanjut sila hubungi Anita Wiseman awiseman@kenes.com

TAMAT

Catatan kepada Penyunting

1. Organisasi Strok Dunia adalah satu-satunya badan global yang hanya berfokus pada strok. Dengan sekitar 90 anggota organisasi dari negara-negara global serantau, kami mewakili lebih daripada 55,000 pakar strok yang terlibat dalam perkhidmatan klinikal, sokongan dan komuniti. Visi WSO adalah 'hidup bebas daripada strok'. Kami berusaha untuk mencapai visi ini melalui program strategik yang menangani faktor-faktor utama kematian dan morbiditi strok di peringkat global, serantau dan nasional. Strategi kami menggabungkan sokongan berdasarkan bukti, garis panduan peka konteks, peralatan, program pendidikan dan latihan klinikal dan kempen awam yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai gejala strok dan pencegahan strok.
2. WSO adalah sebuah NGO yang terlibat dalam hubungan perundingan rasmi dengan Majlis Ekonomi dan Sosial PBB dan rakan pelaksana WHO.

Translation by:

Prof Dr Norlinah Mohamed Ibrahim

Consultant Neurologist,

UKM Medical Center, Kuala Lumpur, Malaysia

12 June 2020